

# KENYATAAN MEDIA

## CIDB MENYERU KONTRAKTOR G1 MEMANFAATKAN TEKNOLOGI PEMBINAAN

*Pembukaan semula Pendaftaran Kontraktor G1 (Bumiputera) memberi peluang kepada generasi muda untuk meningkatkan kapasiti dan kemampuan di dalam sektor pembinaan*

**Langkawi, Kedah, 17 November 2019:** Bersempena dengan Majlis Pelancaran Pembukaan Semula Pendaftaran Kontraktor G1 (Bumiputera), **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** hari ini menyeru kontraktor-kontraktor G1, terutama sekali generasi muda untuk memanfaatkan teknologi pembinaan terkini bagi meningkatkan lagi kapasiti dan kemampuan mereka.

Majlis ini dianjurkan oleh CIDB Malaysia dengan kerjasama **Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)**, susulan daripada keputusan Kerajaan Persekutuan untuk membuka semula pendaftaran Kontraktor G1 (Bumiputera) yang telah dibekukan selama 14 tahun sejak tahun 2005. Inisiatif ini memberi peluang kepada kontraktor baharu Bumiputera yang berkelayakan teknikal untuk terlibat dengan lebih aktif dalam industri pembinaan khususnya mengendalikan projek-projek Kerajaan.

“Pembukaan pendaftaran ini dapat menjadi wadah bagi melatih kontraktor Bumiputera sedia ada dan juga yang baru berdaftar, terutama sekali di kalangan kontraktor generasi muda yang dinamik dan celik teknologi untuk meningkatkan lagi kapasiti dan kemampuan mereka ke gred yang lebih tinggi dari masa ke semasa,” kata **Dato’ Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya.**

“Saya berharap inisiatif ini akan mendorong Kontraktor Gred G1 (Bumiputera) sedia ada yang kebanyakannya berada dalam kelas yang sama lebih 20 tahun untuk meningkatkan lagi kemampuan menjadi kontraktor dalam gred yang lebih tinggi iaitu Gred G2 hingga G7. Sekaligus, kita dapat melahirkan lebih ramai kontraktor Bumiputera yang berdaya saing dan memainkan peranan utama dalam industri pembinaan negara,” katanya lagi.

Majlis tersebut merangkumi taklimat berkenaan dengan program pembangunan kontraktor pada hari pertama, manakala Cabutan Undi kerja kerajaan oleh Pejabat Daerah Langkawi diadakan pada hari kedua bagi memberi peluang kepada Kontraktor Gred G1 Bumiputera di Langkawi untuk terlibat dalam projek-projek Kerajaan yang akan dilaksanakan awal tahun 2020.

“Semoga pembukaan semula pendaftaran Kontraktor Gred G1 (Bumiputera) ini menjadi pembakar semangat kepada penggiat-penggiat industri khususnya kontraktor-kontraktor Bumiputera, untuk mempertingkatkan usaha ke arah merencanakan lagi industri pembinaan negara kita.” kata **Datuk Ir. Ahmad ‘Asri Bin Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia.**

“CIDB melaksanakan pelbagai program untuk memperkasakan kontraktor-kontraktor tempatan, termasuk golongan Bumiputera, bagi melahirkan lebih ramai kontraktor yang berkemampuan dan berdaya saing di dalam bidang pembinaan. Antara program yang telah dilaksanakan adalah **Program Usahawan Muda, Contractor4U** dan **E-Learning,**” katanya lagi.

Selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030, **Program Usahawan Muda** menyediakan latihan kemahiran serta keusahawanan dalam tempoh tiga bulan setengah. Para peserta yang berjaya mengikuti program ini boleh mendaftar sebagai kontraktor G1. **Contractor4U**, sebuah aplikasi telefon turut menjadi medium pemasaran bagi kontraktor-kontraktor tempatan, sekaligus mengurangkan budaya mendapatkan perkhidmatan daripada kontraktor asing dan juga yang tidak berdaftar. **Portal E-Learning** pula merupakan satu platform yang menempatkan semua modul atas talian yang telah dibangunkan oleh pihak CIDB.

Setakat ini, secara keseluruhannya seramai 39,834 kontraktor G1 memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) manakala seramai 23,505 kontraktor G1 telah perolehi Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK). Di **Kedah** khususnya, seramai 4,811 kontraktor G1 telah memiliki PPK dan 3,443 memperoleh SPKK. Manakala daripada jumlah ini, di **Langkawi**, seramai 162 kontraktor G1 telah mempunyai PPK dan 150 kontraktor G1 memiliki SPKK.

**Sejak pembukaan semula pendaftaran G1** pada 1 September yang lalu, CIDB telah menerima sebanyak 2,028 permohonan SPKK yang mana sebanyak 1,468 permohonan telah diluluskan dan 319 permohonan kini berada dalam proses. Manakala bagi Sijil Taraf Bumiputra (STB) pula, sebanyak 990 permohonan telah diterima yang mana 824 permohonan telah diluluskan dan 150 sedang diproses.

Untuk maklumat lain, sila layari laman web CIDB Malaysia di [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my).

---

### **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

**#####**